

# PERKATAAN *MAKA* DAN WACANA SEBELUM ABAD KE-20

*Umar Junus*

## Abstrak

Kehadiran begitu banyak perkataan *maka* dalam teks tulisan jawi dari masa sebelum abad ke-20 disebabkan kerana tulisan jawi/Arab tidak mengenal tanda baca seperti noktah dan koma. Tulisan itu juga tidak mengandungi huruf besar. Lalu *maka* begitu sahaja dianggap pengganti tanda baca. Hal ini dinyatakan misalnya oleh A. Samad Ahmad (1979) dan Virginia Matheson (1982) – saya kutipkan dalam teks.

Pembicaraan saya kini melihat kemungkinan lain. Menolak *maka* hanya bertugas sebagai pengganti tanda baca. Ada dua wacana dengan maksud yang sama tetapi berbeza dari segi konteks, penceritaan dan tak penceritaan. *Maka* hanya saya temui pada konteks penceritaan, tidak pada konteks tak penceritaan. Hal ini mendorong saya mengaitkan *maka* dengan wacana penceritaan. *Maka* mengaitkan peristiwa pada satu (bahagian) ayat dengan peristiwa pada (bahagian) ayat sebelumnya – tidak saya tolak kemungkinan adanya unsur sebab-akibat. Oleh sebab konteks tak penceritaan tidak memerlukan pengaitan peristiwa ini, pada konteks ini boleh dikatakan tidak ada atau jarang-jarang ditemui *maka*. Kenyataan ini yang saya cuba membuktikannya dalam makalah ini.

## Abstract

*The presence of so many words maka in texts written in Jawi character of the pre 20<sup>th</sup> period has been regarded as simply due to the fact the absence of punctuation marks in the respective character. There is no period and comma. There is no capital letter. It is expressed by A. Samad Ahmad (1979) and Virginia Matheson (1982) as I quote it in this article.*

*The present discussion sees another possibility, rejecting the idea*

*that maka is simply a substitute for some punctuation marks. There are two discourses with almost the same content, but they are different from each other in terms of context, the narrative and the non-narrative one. I only find maka in the narrative contexts, not in the non-narrative one. I then conclude there is a relationship between maka and the narrative context. One has to use maka if there is a necessity to connect an event in a particular (part of) sentence to that of the previous one – sometimes it may also have as well the causal element. As a non-narrative context does not require such a relationship, it is quite rare to find maka in a discourse with such a context. This is the phenomenon I am discussing and proving in the present discussion.*

## PENDAHULUAN

Menurut A. Samad Ahmad (*Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, 1979:xxii):

Dalam bidang kesusasteraan Melayu lama, apabila disebut “hikayat”, maka dengan serta-merta tergambarlah kepada kita betapa bentuk keadaannya, iaitu tiada mempunyai bab atau bahagian, tiada mempunyai perenggan, tiada mempunyai tanda-tanda berhenti, melainkan berselerak dengan perkataan “maka”, dan ada pula pada bahagian-bahagian yang tertentu menggunakan perkataan-perkataan: “arakian”, “hatta”; “kata sahibulhikayat” dan sebagainya.

Hal begini juga saya alami dalam pembacaan naskah Jawi. Ketiadaan tanda baca memaksa orang “mencari(-cari)”nya pada “kata sahibulhikayat”, “ar(a)kian”, “hatta”, dan lain-lain. “Maka” dianggap pembuka ayat atau bahagian ayat. Tetapi ini boleh dipertanyakan. Meskipun pada *Hikayat Faridah Hanom* Syed Sheikh al-Hadi juga kerap ditemui, *maka* namun kekerapannya tidaklah sebanyak yang ada pada hikayat sebelum abad ke-20 – ini masih perlu dikaji. Perlu dicatat, dua edisi awal novel ini terbit dalam tulisan jawi. Sesuai dengan anggapan lama itu, dicatat Virginia Matheson (*Tuhfat al-Nafis Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji* (TN), 1982:xxv-xxvi) adanya fenomena berikut:

Pembahagian di antara bahagian-bahagian dan tanda berhenti baca atau jeda di dalam kisah ditunjukkan di dalam manuskrip Melayu dengan ‘perkataan tanda baca’ (misalnya ‘alkisah’, ‘syahadan’, ‘pun’, ‘kata sahibulhikayat’, ‘maka’, ‘itu’, ‘adanya’, ‘intiha’, ‘fasal’). Adalah mudah

bagi fihak editor untuk mengikuti tanda-tanda ini dan memindahkannya kepada persamaannya di dalam bentuk moden dengan menggunakan koma, tanda titik dan perenggan.

Persoalannya disederhanakan oleh Matheson. “Kata-kata” itu, menurut saya, tidak boleh digantikan dengan koma, titik dan perenggan. Malah keragamannya menunjukkan ada sesuatu – selain tanda baca – yang menyebabkan pada suatu naskhah ada “kata” tertentu pada satu posisi dan “kata” lain pada posisi lain, tanpa kedua-duanya boleh saling berganti. Ciri ini juga ada pada TN, bukan hanya pada wacana yang saya bicarakan agak ekstensif. “Kata-kata” itu bukan kata kosong, *function word*, tetapi kata penuh. “Kata sahibulhikayat” sama dengan “kata yang empunya cerita” dan kata lain dalam *Sejarah Melayu* (SM) adalah kata penuh, menyatakan sesuatu (Umar Junus, 1984). Ia perlu interpretasi. Hai ini terlihat juga pada TN. Saya petik:

Adalah Sitti Malangkik itu pada setengah kaul orang Bugis, keturunan daripada Puteri Balkis konon. Di dalam pada itu *Allah subhanahu wataala* yang terlebih tahu akan *haqiqat’l-umur kulliha*, kerana Balkis itu di negeri Saba pihak tanah Yamani, anak raja jin, jadi isteri Nabi Allah Sulaiman *’alaihi al-salam*. Maka berjauh-jauhan benar benarlah dengan Bugis, entahkan sahkah kaul perkataan setengah orang Bugis itu, entahkan tidak. (22).

Pada halaman 16–17 ada tiga cerita asal usul Raja Kecil. *Salasilah Melayu Bugis* (SMB) (Mohd. Yusof Md. Nor, 1985) dibuka dengan daftar kesilapan (1–6) dan ada ucapan ‘kata setengah sejarah’ dan variasinya yang menyatakan adanya sumber sejarah lain. Ciri ini menanyakan, kesahihan cerita. Semua adalah ‘kata yang empunya cerita’. Kerana itu wacana diakhiri dengan ‘wallah’alam bissawab’ dan variasinya. Ini menyatakan “kata-kata” itu kata penuh, bukan tanda baca yang kata tugas.

Secara statistik, gaya wacana sebelum abad ke- 20 ditandai oleh *maka*. Ada kesan, hampir tidak ada wacana masa itu tanpa *maka*. Malah ada ayat dengan lebih satu *maka* – ia kini dinilai negatif, *predictable*, stereotaip dan klise. Gaya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (*Hikayat Abdullah* HA) (1849, Datoek Besar & Roolvink 1953) “meniru” SM – Abdullah pada tahun 1831 menerbitkan SM (T.D. Situmorang dan A. Teuuw, 1952). Tetapi hal ini baru dikesan, dan perlu dikaji lagi.

Tidak salah dianggap *maka* dan kata lain merupakan gaya dan mewarnai wacana sebelum abad ke-20. Tetapi kekliseannya menyebabkan orang

bertanya tentang kegayaannya. Gaya adalah juga penyimpangan. Kita dikejutkan dengan pengucapan bahasa yang tidak terduga, *unexpected*, tidak klise (Umar Junus, 1989:35–56). Ini yang tidak ada pada pemakaian *maka* pada wacana sebelum abad ke-20. Lain halnya dengan *kalau*, *mimpi*, *angan*, *dahulu* yang mendominasi *Belunggu*. Kehadirannya dalam konteks novel memang terduga. Tetapi kerana tidak pernah mencirikan karya sebelumnya, secara sejarah ia tidak terduga. Ia tidak klise kerana menyimpang dari pengucapan sebelumnya. Ia berulang kerana diperlukan oleh pengarang. Ini boleh dibandingkan dengan penggunaan angka, misalnya  $\frac{1}{2}$ , pada *Kering* Iwan Simatupang (1972)<sup>1</sup>. Pada masa yang sama, /ke/ dan /di/ dijadikan Iwan kata penuh. Misalnya pada /Cepat dia lari ke simpang lain/<sup>2</sup> (69) – saya bicarakan pada rangka lain nanti. Fenomena tadi berulang pada novel Iwan. Halnya lain dengan pencoretan dalam *The Color Purple* (Alice Walker, 1982): *Fam I have always been a good girl.* (1). Meskipun hanya ditemui satu kali, tetapi memberi warna kepada novel itu, juga kepada pemahaman pembaca tentangnya. Di samping itu perlu diperhatikan kemungkinan adanya kelainan lain.

Penggunaan *maka* pada wacana sebelum abad ke-20 mungkin pengaruh struktur bahasa, bukan pilihan pengarang. Halnya lain dengan penggunaan *kalau* dan kata-kata lain dalam *Belunggu*. Armijn menggunakan kata-kata itu untuk memperoleh kesan tertentu dan untuk menyampaikan fikiran tertentu. Ini juga berlaku dengan perulangan dalam *Properties of Light, a novel of love, betrayal and quantum physics* karya Rebecca Goldstein (2000). Pemisahan /ke/ dan /di/ dari subjek sesudahnya pada Iwan di samping merupakan pemberontakan terhadap kebiasaan berbahasa ketika novel itu diterbitkan, ia juga mengubah /ke/ dan /di/ yang biasa dianggap kata tugas, *function word*, menjadi kata penuh. Ini boleh terlihat pada kutipan daripada *Kering* berikut ini:

Sensasi dari *ke* buni. Di sumur dulu, *ke* itu adalah vertical. Kini, *ke* itu adalah horizontal. Ada-nya dia di jagat ini, oleh karena itu, adalah: membujur. (70)

... Soal sebenarnya adalah: *di*. *Di* dan *bersama*. Tak penting dimana dan bersama apa, pokoknya: *di* dan *bersama*. *Di* dan *bersama* mereka sekalipun, persetan! (71)

Sehingga kini, penggunaan angka pada novel Iwan masih dianggap aneh. Bagi pengarang yang wacananya saya petik dalam contoh di atas, ada yang lebih penting daripada *apa* yang diucapkan dan itu adalah *bagaimana* mengucapkannya – ini saya pinjam dari Wells.

*Maka* memang mencirikan wacana sebelum abad ke-20. Tetapi boleh dipertanyakan keterangan yang biasa mengikutinya: *maka* berulang kerana tulisan jawi tidak mengenal tanda baca (Matheson xxv). Apalagi ada gaya lain yang mencirikan wacana masa itu.

Orang sampai kepada anggapan *maka* berulang akibat ketiadaan tanda baca dalam tulisan jawi hanya berdasarkan kesan, bukannya berdasarkan hasil kajian. Kajian menemukan hal lain. M.G. Emeis (*Vorm en Functie in klassiek en modern Maleisch, de verbale constructies*, 1945) mengaitkan konstruksi “*maka*” dengan songsang dan hadir bersama /-lah/ sebagai terlihat pada:/sesudah itu *maka* diambilnyalah barang itu/. Tidak ada kaitan *maka* dengan pembukaan (bahagian) ayat. Susunan dengan *maka* menyatakan urutan peristiwa. Peristiwa pada (bahagian) ayat dengan *maka* lanjutan dan/ atau akibat peristiwa pada (bahagian) ayat sebelumnya. Ayat/Bagaimana *maka* terjadi demikian?/ menanyakan sebab satu peristiwa, apa yang terjadi sebelumnya. Dan ini urutan peristiwa. Kerana itu dalam TN ada frasa *kemudian maka*. Frasa ini fenomena hubungan antara ayat, *syntactical structure*, sesuai dengan judul makalah saya (1967b)–saya luaskan dalam *Kaidah dan Latihan Pemakaian Kalimat Bahasa Indonesia* (1967a). Kerana itulah sehingga kini *maka* masih digunakan. Seandainya ia hanya tanda baca, pastilah kini penanda wacana itu tidak lagi digunakan – pada tulisan Rumi ada tanda baca. Kini *maka* digunakan kerana kualitinya tidak boleh disederhanakan kepada pengganti tanda baca.

Kesan awal, SM – sebarang edisi – penuh *maka*. Tetapi ada kesan lain pada *Hikayat Amir Hamzah* (HAH) (Samad Ahmad, 1987). Halaman pertama bebas daripada *maka*. Dan *maka* pada HAH dikesan tidak sekerap SM. Malah ada yang bebas daripada *maka*. Misalnya halaman 52 yang membuka bahagian VIII. Malah ada ayat yang menurut tradisi SM mesti mempunyai *maka*, namun pada halaman ini tidak adapun perkataan *maka*. Ayat itu begini:

Setelah datanglah kepada tahun hendak mengantar ufti negeri Mekah ke negeri Yemen itu, (*maka*) pada suatu hari Khoja Abdul Mutalib pun bermesyuarat dengan anak-anaknya....

Saya tambah perkataan *maka* dalam petikan di atas sesuai dengan kelaziman wacana dalam SM. Di samping itu, pada halaman 27, dalam bahagian awal Bab 5 hanya ada 3 *maka* manakala pada halaman 42, dalam Bab VII, cuma ada 2 *maka*. Keadaan ini memaksa saya menanyakan kesan tadi. Saya baca SM dan HAH sekali lagi. Ada ayat dalam SM dan HAH yang tanpa *maka*. Berikut adalah kutipan yang tanpa *maka* dan penuh *maka*.

A1 ALKISAH diceterakan oleh yang empunya cetera ini adapun pada zaman itu negeri Mekah membayar ufti ke negeri Yaman, Raja Manzur Syah namanya raja negeri Yaman itu; akan Raja Manzur Syah itu pula menghantar ufti negeri Yaman ke negeri Mada'in, kepada raja Nusyirwan Adil, raja Masyrik dan Maghrib, yang masyhur ke seluruh alam dunia ini.

Setelah datanglah kepada tahun hendak menghantar ufti negeri Mekah ke negeri Yaman itu, pada suatu hari Khoja Abdul Mutalib pun bermesyuarat dengan anak-anaknya yang bernama Abbas dan Abu Talib. Kata Khoja Abdul Mutalib, "Hei anakku, sekarang sudahlah sampai tahunnya, betapa hal kita hendak mengantar ufti negeri Mekah ke negeri Yaman."

Pada ketika itu Umar Umaiyah ada hadir di belakang mereka, segala kata-kata itu semua didengar-nya; lalu ia pun segera pergi mendapatkan Amir Hamzah. Segala kata-kata yang didengarnya itu dikhabarkannya kepada Amir Hamzah. Katanya lagi, "Dari semenjak dahulu lagi ufti negeri Mekah diberi kepada negeri asing, pada zaman kita sekarang pun hendak juga diberi ufti itu; apakah nanti disebut orang negeri-negeri asing akan Amir? Orang-orang di negeri Mekah ini pun tiada diambil bilang akan Amir Hamzah, apatah lagi gunanya kita menjadi pahlawan di dalam negeri Mekah ini? Pada bicara hamba selagi ada hayat kita, janganlah lagi kita memberi ufti negeri Mekah ini ke negeri Yaman; apatah gunanya kita hidup di dalam dunia ini, baiklah kita bersama-sama pergi dengan orang-orang yang membawa ufti itu."

Sahut Amir Hamzah, "Benarlah seperti katamu itu," dan ia pun diamlah. Pada suatu hari, tatkala orang-orang yang hendak menghantar ufti itu sedang bersiap-siap, *maka* Khoja Abdul Mutalib pun berkata kepada anak-anaknya yang akan pergi itu, "Hei anakku, adapun rahsia pemergian kamu ini jangan kamu katakana kepada Amir Hamzah dan Umar Umaiyah."

Ketika Khoja Abdul Mutalib berkata itu, tiba-tiba Amir Hamzah pun datang kepada ayahnya lalu bertanya, "Ya ayahanda, hendak ke mana pergi saudaraku ini? Hambapun hendak pergi bersama-sama saudara hamba itu." (HAH, 52-3).

A2 Arakian *maka* keduanya pun segera bangkit masuk ke dalam rumah mengambil kitab itu. *Maka* diberikan oleh Mu'allim Subian kepada Khoja Buzurjumhur Hakim. Setelah Khoja Buzurjumhur beroleh kitab itu, *maka* ia pun bermohon kepada gurunya lalu dibawanya kitab itu ke rumahnya. *Maka* ia pun mutala'ah kitab itu, habislah diketahuinya. Sudah itu, *maka* kitab itu ditaruhnya, lalu ia datang kepada bundanya perlahan-lahan dengan sembah sujudnya ia bertanya perlahan-lahan katanya, "Wahai ibuku, akan bapaku ke mana perginya?"

*Maka* sahut ibunya, “Wahai anakku, tatkala engkau lagi di dalam perutku, bapamu pergi belayar. Sekarang ghaiblah ia, tiadalah lagi wartanya; betapa halnya pun tiadalah aku ketahui sesudah itu.”

*Maka* kata Khoja Buzurjumhur Hakim, “Wahai ibuku, Alkis Menteri itu mana sekarang? Hidupkah atau matikah dia?”

*Maka* sahut ibunya, “Alkis Menteri ada lagi hidup. Ialah sahabat bapamu, terlalu amat berkasih-kasih dengan bapamu, seperti saudara seibu sebab, *maka* demikian itu kasihnya.”

Setelah sudah Khoja Buzurjumhur Hakim mendengar kata ibunya itu, *maka* iapun berdiam diri. Sehari-hari kerjanya masyghul dengan mutala’ah kita *Jas Hakim* itu juga, sambil berbuat khidmat akan ibunya. (HAH, 8)

- B1** *Maka* Sultan Muhammad Syah pun mengatur takhta kerajaan baginda. Syahadan bagindalah yang pertama meletakkan kekuningan larangan, tiada dapat dipakai orang dan diambil akan saputangan; dan tiada dapat dibuat akan bibir tabir, dan ulas bantal besar, dan akan bungkus tilam, dan jangan diambil akan karang-karang benda kamu; dan jangan diambil akan perhiasan rumah kamu; dan lain-lain daripada itu pun tiada juga dapat, melainkan akan kain, baju dan dasar, tiga perkara itu juga yang dapat. Dan larangan membuat rumah peranjungan dan bertiang gantung tiada teletak ke bawah yakni ke tanah; dan bertiang terus dari hatap, dan berperanginan; jikalau pada perahu, bertingkap dan berpenghadapan, itulah yang larangan. Adapun pada payung, lebih putih daripada kuning, karena payung putih pakaian kerajaan, payung kuning payung anak raja-raja.

Bermula tiada dapat orang keluar memakai medapan dan teterapan keris; dan tiada dapat anak orang keluaran itu memakai kaki emas; jikalau emas berkepala perak, itupun larangan Raja Melayu; barang siapa melalui dia, salah ke bawah duli, hukunya denda mati. Sebermula segala orang beremas, sebagaimana sekalipun kayanya, tiada dapat dipakai; anugerah jikalau anugerah, dapatlah dipakainya selamalamanya. (SM, edisi Cheah dan Rahman, 122–3)

- B2** *Maka* tersebutlah perkataan Raja Pasai, demikian mulanya perkataannya diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera ini. Ada Merah dua bersaudara diam hampir Pasangan. Adapun akan asal Merah itu dari Gunung Sengkuang, yang tuha Merah Caga namanya, yang muda Merah Silau namanya. *Maka* Merah Silau menahan lukah kerjanya, kena gelang-gelang, dibuangkannya. *Maka* ditahannya pula lukahnya itu, kena pula gelang-gelang itu. Setelah berapa lamanya demikian juga, *maka* oleh Merah Silau gelang-gelang itu direbusnya, *maka* gelang-gelang itu menjadi emas, buihnya menjadi perak. *Maka* oleh Merah

Silau ditahannya pula lukah, gelang itu direbusnya jadi emas seperti dahulu itu juga. Setelah banyaklah Merah Silau beroleh emas, *maka* terdengarlah kepada Merah Caga, dipersembahkan orang kepada Merah Caga, “Bahawa adinda Merah Silau santap gelang-gelang”. *Maka* Merah Caga pun amarah akan adinda baginda Merah Silau, hendak dibunuhnya. Adapun tempat Merah Silau beroleh gelang-gelang itu, Padang Gelanggalah lah namanya datang sekarang.

*Maka* tersebutlah perkataan Merah Silau diam di Rimba Jerun. *Maka* orang yang di Rimba Jerun itu pun diemasinya, *maka* sekalian orang itu pun semuanya menurut katanya. Pada suatu hari, Merah Silau pergi berburu, *maka* anjing Merah Silau bernama si Pasai pun menyalak. *Maka* dilihat oleh Merah Silau si Pasai menyalak di atas tanah tinggi seperti ditumbun rupanya; *maka* Merah Silau naik ke atas tanah tinggi itu, *maka* dilihatnya seekor semut besarnya seperti kucing. *Maka* oleh Merah Silau semut itu diambilnya, dimakannya. *Maka* tanah tinggi itu diperbuatnya akan tempat, *maka* dinamainya Semudra, ertinya semut besar. (SM, Cheah dan Rahman, 105).

Pada A1 dan B1 hanya ada satu *maka* yang bertanda huruf tebal UJ. Tetapi pada A2 ada 10 *maka* dan pada B2 ada 18 *maka*. Ada perbezaan antara A1 dengan A2 dan antara B1 dengan B2.

A1 dan B1 hanya menyatakan kehadiran sesuatu, hubungan Mekah dan Yemen dan lukisan atur cara kerajaan Melaka. Kedua-duanya statik. Tetapi ada ciri lain dalam A1 dan B1. A1 dimulai dengan *maka* manakala pada B1, *maka* ada pada perenggan akhir.

Pada A2 ada gerak, urutan peristiwa dari satu (bahagian) ayat ke (bahagian) ayat lain. Malah boleh jadi hubungan kausal; satu peristiwa akibat peristiwa sebelumnya dan berakibat pada ayat sesudahnya. Peristiwa pada ayat pembuka A2, malah seluruh A2 adalah lanjutan daripada peristiwa dalam perenggan sebelumnya. Ini berlaku juga pada B2 yang boleh menjadi hubungan kausal; yang satu menyebabkan yang lain atau yang satu akibat yang lain. Tetapi ada yang perlu diterangkan.

Tugas *maka* pada SM dan HAH<sup>3</sup> pertama boleh dilihat sebagai usaha melukiskan gerak, dari satu ayat ke ayat. Usaha ini terlihat juga pada terjemahan ayat 76 dan 77 al-An’am pada ‘Kisah Nabi Ibrahim’ (*Kisahu l-Anbiya*, Nafron Hasjim, 1990:298)<sup>4</sup> yang lain dari terjemahan Qur’an biasa, misalnya *Al-Qur’an, Bacaan Mulia* (H.B. Jassin, 1982:179).<sup>5</sup>

Terjemahan pada Kisah Nabi Ibrahim adalah:

Yakni, “*Maka* tatkala terbitlah ia di dalam gua itu, *maka* dilihatnya bintang zahrah, *maka* berkata Ibrahim, Tuhan yang disembah raja



Namrut itu.” *Maka* seketika lagi beredarlah bintang itu dari tempatnya. *Maka* kata Ibrahim, “Tiada kukasih akan Tuhan yang lenyap lagi berubah-ubah itu”, seperti firman Allah Taala. (76)

Yakni, “*Maka* tatkala dilihat Ibrahim akan bulan baharu terbit pada ketika itu enam belas hari bulan, katanya “Inilah Tuhan yang disembah Raja Namrut itu.” *Maka* dilihatnya berubah-ubah ia daripada tempatnya itu, katanya, “Kalau tiada ditunjuki Tuhanku akan daku, niscayalah adalah aku daripada orang,” seperti firman Allah taala. (77)

Dan terjemahan Jassin:

Tatkala malam meliputinya, dilihatnya sebuah bintang. Iapun berkata, “Inilah Tuhanku.” Tapi tatkala (bintang itu) terbenam, Ia berkata, “Aku tiada suka barang yang terbenam.” (76)

Tatkala dilihatnya bulan timbul, Iapun berkata, “Inilah Tuhanku.” Tapi tatkala (bulan itu) terbenam, Ia berkata, “Jika Tuhan tiada memberiku petunjuk, pastilah aku jadi orang yang sesat jalan.” (77)

Satu materi diterjemahkan berbeza kerana konteksnya lain. Terjemahan biasa tidak memerlukan *maka* kerana ia pernyataan fakta. Tetapi terjemahan Kisah Nabi Ibrahim perlu perkataan *maka* kerana kesinambungan cerita. Kisah Nabi Ibrahim perlu *maka* untuk mengaitkan dua peristiwa. Satu peristiwa tidak berdiri sendiri, tetapi akibat peristiwa sebelumnya dan berakibat kepada peristiwa sesudahnya. Ini boleh dibandingkan dengan pengalaman membaca *Copenhagen*, karya Michael Frayn (1998) yang dimulai dengan:

### MARGRETHE BUT WHY? (3)

Kita kaget tiba-tiba dihadapkan kepada sesuatu yang menghendaki kita tahu peristiwa sebelumnya. Ucapan Margrethe, isteri Niels Bohr, berkaitan dengan pertemuan Bohr, setengah Yahudi, dan Heisenberg, bekerja untuk Hitler, di Copenhagen<sup>6</sup> September 1941. Hal ini membawa kita kepada persoalan hubungan Heisenberg dan Bohr yang terkait dengan peristiwa penting Perang Dunia Kedua – sebagai roh mereka gali ingatan tentang apa yang terjadi pada 1941.<sup>7</sup> Terutama menyangkut pertanyaan mengapa Hitler tidak menghasilkan bom atom. “Kegagalan” Hitler itu, akibat, membawa pembaca kepada kisah tentang sebabnya. *Akibat* mengajak kita menemukan *sebab*, meskipun drama itu terasa bergerak lurus, dari *sebab* ke *akibat*.<sup>8</sup> Drama itu bermula dengan *akibat* dan mencari *sebab* kerana dikarang kini dan pelakunya roh – mereka telah lama mati. Dan pertanyaan Margrethe

yang membuka drama itu merujuk *akibat* itu. Namun, jawapan tidak disediakan. Ini sesuai dengan ucapan Bohr: 'Some questions have no answer to find'. (3)

Drama itu membawa pembaca ke suasana kisah yang terkait dengan akibat dan sebab. Ini juga ada dalam penggunaan *maka*, terutama saya kaitkan dengan SM. *Maka* dalam SM mengaitkan dua peristiwa, sebagai akibat-sebab. Setiap bab, kecuali Bab 1, dimulai dengan /*Maka* tersebutlah perkataan/ yang mengaitkan bab itu dengan bab sebelumnya. Cuma dalam pembacaannya, pembaca biasa lupa membacanya. Meskipun pada Alqisah 2 SM Cheah dan Rahman ada:

1. *Maka* kata Wan Empuk dan Wan Malini, "Apa alamatnya tuan hamba itu?" *Maka* sahut ketiga orang muda-muda itu, "Mahkota inilah alamatnya tanda hamba anak cucu Raja Iskandar Zulqarnain." (84)
2. *Maka* titah Seri Teri Buana, "Apa janji yang dikehendaki oleh bapaku itu?" *Maka* sembah Demang Lebar Daun, "Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan akan jadi hambalah Kebawah Duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu tuan hamba; syahadan jikalau ia berdosa, sebesar-sebesar dosanya sekalipun, jangan ia difadihkan dan dinista dengan kata yang jahat-jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itupun jikalau patut pada hokum syarak." (86)

Tetapi tidak dipertanyakan adakah Teri Buana keturunan yang sah daripada Iskandar atau sebaliknya. Ia tiba di Temasik tanpa mahkota Iskandar (91), yang adalah alamatnya sebagai keturunan Iskandar (84). Kesahihan raja-raja Melaka sebagai keturunan Iskandar juga tidak ditanyakan dan ini menyebabkan kehancuran Melaka. Orang lupa bahawa Teri Buana telah "dikebiri" (86) dan peristiwa tadi hanya lanjutan pengebirian itu. Ia tunduk kepada syarat yang diajukan oleh Lebar Daun, suatu *gentlemen agreement*, yang mempunyai dua implikasi.

Dengan kehilangan kuasa ghaibnya, ia "kini" orang biasa. Wan Sendari tidak kedal setelah ditidurnya padahal sebelumnya setiap gadis yang ditidurnya kedal. Sejak itu kuasa ghaib bukan lagi milik raja, malah milik orang *keluaran*, luar istana, seperti Badang, orang suruhan dan akal milik kanak-kanak yang menyelamatkan Singapura daripada serangan todak. Kini Teri Buana mesti patuh kepada kehendak rakyat. Ada ketentuan yang perlu dijaganya dalam hubungannya dengan rakyat. Rakyat bukan kaula yang boleh diperlakukan sesuka hati. Apabila ketentuan itu dilanggar, buruk padahnya. Inilah yang terjadi pada Singapura. Ada tiga hal yang dilanggar oleh raja Singapura. Pertama, membunuh kanak-kanak yang menyelamatkan

Singapura daripada serangan todak kerana takut akan kepintaran kanak-kanak itu ketika dewasa melebihi kepintaran raja. Kedua, membunuh Tun Jana Khatib. Ketiga, perlakuan raja terhadap anak Rajuna Tapa yang menyebabkannya belot. Hal sedemikian juga berlaku di Melaka. Raja Melaka membuat sesuatu tindakan yang melanggar perjanjian antara nenek moyangnya dengan Lebar Daun.<sup>9</sup>

*Maka* pada SM, selain menyatakan hubungan gerak, juga menyatakan hubungan kausal, akibat-sebab. Ciri ini juga ada pada *Hikayat Raja-raja Pasai* (HRRP). Cerita bermula dengan dua saudara, Raja, Ahmad dan Muhammad. Hubungan mereka bertambah erat ekoran perkahwinan anak pungut masing-masing, anak buluh betung dan yang dihantarkan gajah. Anak-anak dengan selubung asal usul yang misteri dan anak pungut, yang haknya dipersoalkan, mewarisi takhta. Mereka berbunuhan akibat kesalahan anak-anak mereka hingga cucu mereka, Merah Silau dan Merah Hasum, hidup tanpa bapa dan nenek. Ini berlanjutan dengan perselisihan Silau dan Hasum. Silau yang diusir mendirikan Semudra dan Pasai. Lalu ada pergeseran antara Malikul Mahmud dan Malikul Mansur, anak Merah Silau.<sup>10</sup> Dan sesudah Mansur meninggal ada pergeseran akibat kelakuan Sultan Ahmad, anak Mahmud. Ia memusuhi anak-anaknya. Akhirnya Pasai dikalahkan oleh Majapahit. Dengan sejarah yang ditandai oleh perselisihan, HRRP diakhiri dengan cerita tentang kejayaan Minang mengalahkan tentera Majapahit, berkat kekompakan mereka. Kerana itulah HRRP juga penuh dengan perkataan *maka*, seimbang dengan SM.

Meskipun kedua-dua tugas tadi mungkin ada pada wacana lain, tetapi pengertian *maka* pada SM dan HRRP tidak boleh diluaskan ke wacana lain. Pada karya lain, *maka* lebih bertugas untuk menjalin cerita, jadi urutan peristiwa sehingga wacana lebih daripada pernyataan fakta. Wacana ialah cerita dengan kesinambungan cerita. Ciri ini ada pada *Hikayat Hang Tuah* (HHT). *Maka* dalam HHT sukar dikaitkan dengan akibat-sebab. Kekalahan Melaka adalah “nasib”, bukan rangkaian sebab-akibat. Pada HHT, tidak ada alamat dan perjanjian. Tidak ada yang mengarahkan pembacaan kita. Pada HHT tidak ada pemujaan,<sup>11</sup> *glorification*, asal usul raja yang kehadirannya dalam SM memungkinkannya dipertentangkan dengan akhir cerita yang memalukan.<sup>12</sup> Meskipun HHT juga diakhiri dengan kekalahan, namun hikayat ini tidak berakhir dengan cerita yang memalukan. Tugas *maka* pada HHT terbatas pada pernyataan gerak atau hubungan sebab-akibat tanpa implikasi yang lebih jauh. Ini boleh dibandingkan dengan fenomena TN. *Maka* dalam TN juga menyatakan urutan peristiwa. Bab 3 hampir tanpa *maka*, kerana hanya fakta. Dan dua ayat boleh disambungkan dengan

“syahadan”, “adapun”, “adalah” dan “kemudian”. “Syahadan” menandakan adanya perubahan topik. “Adapun” memperluas keterangan tentang seseorang yang baru diperkenalkan. “Adalah” merupakan perluasan keterangan tentang orang yang sebelumnya telah disebut. Misalnya:

Sebermula *adapun* Raja Ahmad Engku Haji Tua itu, ia itu saudara Marhum Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar, putera Yang Dipertuan Muda Raja Haji, *maka adalah* Raja Ahmad itu mengadakan beberapa anak laki-laki dan perempuan. Syahadan *adalah* ia berbini di Selangor akan anak Panglima Perang Malik ... (37)

Berdasarkan contoh itu, dapatlah diperkirakan perbezaan antara *adapun* dengan *adalah*, tetapi perlu dikaji lebih lanjut dalam hubungan kajian tatabahasa.

Berikut catatan tentang SMB. Di samping perulangan *maka*, *syahadan*, *adapun* dan *adalah*, SMB juga penuh dengan *kemudian*, *sebermula* dan *dan* dan ciri ini menandingi kehadiran *maka* yang mendominasi banyak wacana lain.

Meskipun pada *Hikayat Merong Mahawangsa*, HMM, (Siti Hawa Saleh, 1970) juga banyak *maka*, tetapi tidak sesering pada SM, HHT, TN, SMB, dan HA. Ini kini hanya kesan yang perlu dibuktikan lagi. Ada empat kemungkinan. Pertama, pengarang tidak “latah”. Pada posisi yang pada hikayat lain boleh ada *maka*, pada HMM tidak ada. Ayat “Dengan hal yang demikian itu jatuhlah di celah batu yang di Pulau Langkapuri itu ...” (14) pada hikayat lain boleh berbentuk “Dengan hal yang demikian itu *maka* jatuhlah ia di celah batu yang di Pulau Langkapuri itu...”. Kedua, ada saingan dari *lalu*. *Lalu* pada “*Lalu* terbanglah pula ia pergi menuju ...” (17) pada hikayat lain digunakan *maka*. Dan kadang-kadang *maka* dan *lalu* – ini juga ditemui pada TN dan SMB – ditemui bersama pada satu ayat. Misalnya: “... *maka* terlihatlah kepada burung garuda angkatan pelayaran anak raja itu, *lalu* dinantikan hari malam.” (12). Ketiga, berbeza daripada hikayat lain, HMM lebih dikuasai oleh dialog,<sup>13</sup> bukan pengisahan – dialog kurang memerlukan *maka*. Keempat, apabila ada pengisahan, ia lebih berbentuk pernyataan fakta sehingga pada HMM simili juga lebih sering ditemui berbanding SM, HHT, HAH, TN, dan SMB – simili akan saya bincangkan kemudian.

Penggunaan *maka* pada karya lain mendekati HHT, menyatakan urutan peristiwa, tanpa akibat-sebab. Tetapi ini mungkin palsu. Saya sampai kepada anggapan itu kerana tahu akan akhir cerita SM. Ini mendorong saya menginterpretasikan awal cerita selanjutnya. Awal cerita lalu tampil lain

dari ia pertama kali saya baca. Ini juga pengalaman saya membaca *Copenhagen*. Saya tahu akan Hitler tidak berjaya mencipta bom atom. Oleh itu, saya simpulkan bahawa pertemuan Heisenberg-Bohr tidak membuahkan harapan kepada Heisenberg. Apalagi ia saya baca setelah membaca resensinya. Pengalaman ini tidak ada dalam pembacaan karya lain, kecuali HHT. Umumnya saya tidak tahu akan akhir cerita. Atau apabila saya mengetahuinya, ia tidak penting untuk interpretasi awal cerita. Atau ada wacana yang boleh dikatakan tanpa akhir cerita, kerana bukan cerita, tetapi hanya urutan peristiwa. Misalnya MSS, 1589 – saya bicarakan dalam *Undang-Undang Minangkabau*.

Pada MSS 1589 urutan peristiwa tidak penting kerana bukan cerita. Tetapi pada wacana itu tetap ada *maka*, namun ditandingi oleh perkataan *dan*. Ini terlihat pada contoh berikut:

- C1 artinya telah dijadikan Allah 'akal itu akan kamu, kemudian *maka* dijadikannya akan dia dengan cahayanya, *maka* 'akal pun melihat. *Maka* firman Allah Ta'ala akan dia, hai 'akal siapa aku? *Maka* sembahnya, hai Tuhanku, Engkaulah Tuhan yang tiada Tuhan hanya Engkau. *Maka* berfirman pula Allah Ta'ala kepadanya. Hai 'akal, berhadaplah engkau kepadaku. *Maka* 'akalpun berhadap ke hadirat Allah Ta'ala. *Maka* firman Allah Ta'ala, hai 'akal, berbelakanglah engkau kepadaku. *Maka* iapun berbelakang ke hadirat Allah Ta'ala. *Maka* firman Allah Ta'ala, demi kemuliaanku, demi kebesaranku, tiada kujadikan suatu makhluk yang terlebih kasih daripadamu kepadaku. *Maka* dengan engkau mensyaksi aku dan dengan engkau aku anugerahi. (218, teks F16–17).
- C2 artinya adalah bagi tiap-tiap suatu itu pegawai dan kelengkapan. *Dan* bahwasanya pegawai mu'min itu 'akal. *Dan* adalah bagi tiap-tiap yang membicara itu kendaraan. *Dan* kendaraan manusia itu 'akal. *Dan* adalah bagi tiap-tiap kaum menaungi *dan* yang menaungi segala manusia itu 'akal. *Dan* adalah bagi tiap-tiap kaum itu yang memeliharaakan dia *dan* yang memeliharaakan segala 'abad itu 'akal. *Dan* bagi tiap-tiap syukur itu dahan *dan* itu yang melingkar dia *dan* melingkar orang yang sidik itu 'akal. *Dan* adalah bagi tiap-tiap yang binasa itu ada yang merusak. *Dan* meramaikan akhirat 'akal. *Dan* adalah bagi tiap-tiap manusia itu suatu peninggalan disebutkan kepadanya *dan* disebut orang dengan dia karenanya. *Maka* peninggalan segala sidik yang disebutkan orang kepadanya *dan* disebutkan orang dengan dia ia itu 'akal. *Dan* dialah bagi tiap-tiap perjalanan itu khiamah *dan* khiamah segala mu'min itu 'akal. (222, teks F22).
- C3 *Dan* adapun sumpah mardud itu, *maka* di baruh dihukumkan oleh hakim

pada pinggan pasu *dan* orang tajual *dan* samun sakar *dan* rabut rampas pada tempat yang suni daripada manusia *dan* pada si mudda'a 'alayhi yang nakul dari tempat bersumpah yang berhadap kepadanya. *Dan adapun* hokum sahibulyad pada orang yang berda'wa-da'waan *dan* adalah nan diperda'wakan itu pada tangan seorang-orang atau pada tangan syasyinya yang menegur pada yang lain. *Dan adapun* nasifah itu pada orang berda'wa-da'waan *dan* adalah nan diperda'wakan itu pada tangan sasinya *dan* ikrar. *Dan* jika munkir ia *maka* sahibulyad hukumnya dua orang berda'wa-da'waan atau pada tangan dua orang-orang ia itu. *Dan adapun* hokum sah itu pada orang tiada diberi bersumpah. *Dan adapun* hokum jarial 'adat pada orang bersalahan pada pusyaka. *Dan adapun* hokum kalimah syahadat itu pada si muda'i yang menghadirkan syaksyi tiada sempurna bilang diiringi dengan sumpah. (168, teks A7)

Pada wacana ini<sup>14</sup> *maka* ditandingi oleh *dan* dan (*dan*) *adapun*. Kerana itu, perlu ditinjau lagi fungsi *maka* pada wacana ini.

Meskipun *maka* pada C1 boleh digantikan oleh "lalu" namun ia lebih menyatakan akibat-sebab. Tetapi apabila ciri ini tidak ada dan wacana hanya pernyataan fakta, wacana akan dipenuhi oleh *dan* seperti yang terlihat pada C2. Penggunaan *dan* seperti ini juga mencirikan C3. Tetapi pada C3 *dan* boleh juga diikuti dengan perkataan *adapun* dan wacana ini bernada undang-undang. Hal ini juga ada pada TN dan SMB. Pada TN ada bahagian yang penuh dengan *maka* tetapi ada juga yang tanpa *maka*.

Contoh C melengkapi catatan tentang penggunaan *maka*, lanjutan daripada contoh A dan B. Ada faktor yang menyebabkan *maka* hadir atau tidak hadir. Dalam hal akhir ia boleh digantikan atau tidak digantikan dengan kata lain.

Demikianlah rumusan mengenai penggunaan kata *maka* dalam wacana sebelum abad ke-20. Prosa masa itu didominasi dengan kata *maka*. Akibat perulangan kata *maka*, prosa masa itu terasa stereotaip. Oleh sebab Abdullah terpesona dengan penggunaan bahasa SM yang dinyatakannya pada pengantar SM edisi Abdullah yang saya turunkan berikut ini<sup>15</sup>:

Arakian, *maka* jikalau orang mendapat akan kitab *Sejarah Melayu* ini, *maka* katanya: "Mengapakah *maka* hikayat-hikayat dan *Sejarah Melayu* yang tiada berguna ini dicapkan membuang belanja dan penat sahaja, apakah fa'idahnya yang ada dalamnya?" *Maka* kami memberi jawaban kepadamu: "Bahwa sungguhpun tiada banyak perkara yang berguna dalamnya seperti kata orang yang mengarang sejarahnya dalam khotbahnya, tetapi bahwa sesungguhnya ketahuilah olehmu, *adapun*

sebabnya aku mengusahakan diriku mengecapkan kitab ini sebab bahasanya. Umpamanya jikalau seorang pandai mengarang suatu ceritera dengan bahasa lain-lain yang terlalu elok tetapi isinya kitab itu perkara yang sia-sia dan bohong sahaja, *maka* jikalau engkau belajar akan kitab itu sampai engkau paham sekali akan bahasanya dan artinya, *maka* sesungguhnya isinya kitab itu sia-sia dan bohong tetapi engkau telah pandai bahasanya. (Situmorang dan Teeuw, xxix).

maka penggunaan bahasa dalam HA dicirikan oleh penggunaan bahasa dalam SM. Ciri ini kelihatan juga dalam petikan berikut:

- D1 *Maka* dahulu akupun percaya akan sekalian itu serta takut. Sebab daripada kecilku telah menengar akan perkara itu serta orang-orang membuat takut. Datangnya sekalian itu daripada orang tua-tua. Akan tetapi semenjak aku telah mendapat pelajaran dan 'akal sedikit-sedikit, serta membaca kitab-kitab, tambahan pula telah bercampur-campur dengan orang yang ber'akal, yaitu orang putih, *maka* bahwasanya kuketahuilah sekalian itu bohong lagipun penipu yang besar adanya. (138)
- D2 Syahadan, adapun kemudian daripada itu, *maka* selalulah aku dengan gajah-gajah itu. Kasihan, semuanya habis mati. *Maka* adalah tinggal lagi enam-tujuh ekor yang boleh sampai ke Melaka. *Maka* dalam pada itupun tinggal seekor sahaja yang hidup betul. *Maka* oleh raja Farquhar dan dokter Chalmers dibayarnya akan pawing itu seperti perjanjiannya. *Maka* segala tulang-tulang gajah-gajah itu yang mati itu semuanya diambil oleh raja dan dokter Chalmers, dihantarkannya ke negeri England. (64).

Penggunaan *maka* pada HA terasa sama dengan SM dan HAH. Malah saya duga, tetapi perlu dibuktikan lagi, secara statistik *maka* lebih kerap ditemui pada HA berbanding HAH dan SM. Kerana memulakan bahasanya kepada bahasa SM, Abdullah tidak berani menyimpang (darinya). Tetapi TN tidak terasa mengikatkan bahasanya pada bahasa SM. Pada TN, terutama pada bahagian awal dan menghilang pada bagian akhir – cukup banyak ditemui “kesalahan bahasa” – lihat catatan 15 – apabila bahasanya dilihat dari tradisi bahasa SM, yang mendasari rasa bahasa saya. Sesuai dengan catatan Noam Chomsky dan George A. Miller (1963:276), untuk memahami ayat-ayat TN ada kalanya ia mesti saya pindahkan kepada ayat lain. Dan ini tidak perlu saya lakukan pada ayat-ayat SMB.<sup>16</sup>

Secara statistik, *maka* adalah gaya wacana prosa sebelum abad ke-20. Yang perlu difikirkan kini ialah kemungkinan adanya unsur bahasa lain

yang boleh dianggap gaya yang menandai wacana prosa sebelum abad ke-20. Saya mulai dengan unsur bahasa lain yang boleh saya anggap gaya yang mencirikan wacana prosa sebelum abad ke-20.

Menurut Samad, wacana sebelum abad ke-20 juga dicirikan oleh “arakan”, “hatta”, “kata sahibulhikayat” - yang akhir ini bervariasi dengan “diceritakan oleh (orang) yang empunya cerita”, “kata yang empunya cerita”, “alkissah” dan ada kaitan dengan “wallahu a’lam bissawab wailaihi ‘Imarji’u wa ‘lma’ab” dan variasinya. Dan ia juga boleh dibaca bersama “perkataan” sebagai yang ada pada – erti ini lain daripada yang dikenal kini: “Maka tiada tersebar lagi *perkataan* Puteri Gunung Ledang itu hingga datang sekarang.” (HHT, 591)-huruf tebal UJ. *Perkataan* pada ayat itu bererti cerita. Erti ini juga ada pada: “Maka berhentilah *perkataan* raja Melaka dan Laksamana itu.” (528) yang boleh dibaca: “Maka berhentilah cerita tentang raja Melaka dan Laksamana itu.” Dan “Alkissah *maka* tersebutlah *perkataan* raja Melaka hendak mengutus ke Benua Rum” (529) boleh dibaca “Alkissah, *maka* tersebutlah cerita raja Melaka hendak mengutus ke Benua Rum.” Kerana itu, *perkataan* bi(a)sa ditemui bersama “kata yang empunya cerita” yang menyatakan bahawa yang “diceritakan” adalah cerita orang dan pencerita tidak tahu ia benar atau dusta. Sesuai hakikat ini pada SMB ada beberapa kali kita temui ungkapan: “kata setengah sejarah” (4, 40, 132), “kata setengah rawi” (8), “kata setengah empunya cerita” (31, 42), “kata setengah pula cetera” (34), “kata setengah riwayat” (40, 68, 176, 177). Dan yang lebih menarik pada SMB kadangkala ditampilkan dua cerita tentang hal yang sama sebagai diungkapkan kutipan ini:

Inilah yang tersebut di dalam *sejarah sebelah barat*, sekalian raja-raja Bugis itu dahulu kahwinnya daripada Upu Daing Cellak. Adapun di dalam *sejarah sebelah timur* Upu Daing Cellak yang dahulu kahwin daripada segala saudara-saudaranya sekalian yang tersebut itu. Syahadan syair yang akan di hadapan itu yang bicara nikah kahwinnya, ia itu mengambil *qaul sejarah sebelah timur*, intiha. (91)

Ada dua cerita tentang perkahwinan Upu Daing Cellak, dari ‘sejarah sebelah timur’ dan dari ‘sejarah sebelah barat’. Ada tiga cerita tentang bagaimana Encik Pong hamil (32) dan ini dikaitkan dengan fitnah. Dan perlu dicatat SMB mengingatkan kita adanya khilaf (3–6) dan fitnah. Malah SMB juga menanyakan kebenaran suatu kisah kerana tidak masuk akal (8). Dengan begitu “kata yang empunya cerita” bukan kata kosong. Malah mengajak pembaca menanyakan kebenaran cerita. Dan kerana hanya Tuhan yang tahu benar atau tidaknya, cerita biasa diakhiri oleh “wallahu ‘alam bissawab”



yang kadangkala diperluas. Pencerita tidak bertanggungjawab terhadap kebenaran cerita. Ia boleh dibandingkan dengan pengantar *kaba* Minang yang terjemahannya: “Kabar orang kami kabarkan, dusta orang kami tak serta”. Atau dengan “Demikianlah konon ceteranya orang, hamba ini sekadar mengarang.” (*Syair Siti Zubaidah Perang Cina*, Abdul Mutalib Abdul Gani (ed.), 1983:19). TN tidak hanya menanyakan kesahihan sumber cerita (16. 22), ia juga penuh “alkissah” dan yang sama dengannya. Dan kerana hanya menceritakan apa yang dilihat, Abdullah dalam HA menambahkan: “Adapun pekerjaan yang demikian belum pernah kulihat, melainkan menengar khabar orang tua-tua sahaja.” (52) apabila ia hanya menceritakan cerita orang. Kerana itu halaman 189 HA ditutup dengan ‘wallahu ‘alam’ kerana ia tidak tahu cerita itu benar atau tidak. Ia hanya menceritakan cerita orang.

SM, HHT, HAH, SMB dan YN penuh ‘alkissah’ dan variasinya. Yang berbeza mungkin hanya kekerapan. Dan sesuai dengan cirinya, MSS 1589 memunculkan unsur lain. *Maka* ditandingi *dan* dan *dan adapun*. Dan pada teks F hanya sekali ditemui “kata sahibulhikayat” (238) tetapi implikasinya lain daripada yang ada dalam SM. Teks itu tidak bercerita. Ia hanya pernyataan fakta. Ungkapan seperti itu juga tidak ada pada HA kerana ia menceritakan apa yang dilihat, tidak menceritakan cerita orang. Kerana itu ada dua kelompok wacana prosa sebelum abad ke-20. Pertama yang ada “alkissah” dan variasinya. Ini biasanya cerita dan pencerita menekankan ia tidak melihat peristiwa yang diceritakan. Ungkapan itu tidak ada apabila peristiwa itu dilihat sendiri oleh pencerita. Atau tidak merasa perlu menyatakan bahawa tidak melihat peristiwa itu. Ia juga tidak ada pada wacana yang tidak bercerita, misalnya teks F MSS 1589.

Kehadiran/ketakhadiran ungkapan itu mencirikan suatu wacana. Ia gaya wacana tertentu sebelum abad ke-20. Tetapi gaya ini, sekali lagi, tidak bebas beban makna. Akibat beban makna, suatu wacana mengembangkan gaya tertentu.

Pada SM, HRRP, HAH, HHT, HMM, SMB dan TN jarang-jarang ada perbandingan atau simili, dan metafora. Ini memungkinkan kita mengabaikan kehadirannya. Apalagi ada ungkapan “seperti” yang tidak simili, misalnya ‘seperti yang tersebut di dalam Hikayat yang termasyhur itu’ (Cheah dan Rahman 70). Dan ‘cahaya mukanya gilang-gemilang, seperti cahaya matahari’ (Cheah dan Rahman 67) terasa hambar, tidak ekspresif. Begitu juga dengan ‘*Maka* kata Hang Jebat sambil menangkiskan seligi dan anak damak yang seperti hujan datangnya ...’ (HHT, 25), ‘seperti ular berbelit-belit lakunya’ (HAH, 75), ‘seperti buah masak gugur ke bumi’ (HMM, 121), ‘seperti adat raja-raja yang kembali ke rahmatullah’ (HRRP,

73). Ada kesan, simili, apalagi metafora, jarang-jarang ada pada ketujuh-tujuh wacana itu. Ketujuh-tujuhnya lebih melukiskan gerak, tanpa merasa perlu melukiskan kualiti sesuatu. Cukup menyatakan hadirnya sesuatu tanpa melukiskan kualitinya.

Pada MSS 1589, terutama teks G, banyak simili. Misalnya 'Jangan ada engkau seperti pelita yang membakar ia akan dirinya dan menerangi akan lainnya.' (265). Tetapi ini tidak simili. Ini adalah tamsil. Ini makin ketara apabila bacaan dilanjutkan kepada ayat berikutnya: 'Yang dua kata ini tamsil orang yang tiada memunikan rahsia dan tiada mengamalkan ilmunya.' (265). Kerana itu ia bukan gaya. Halnya lain dengan HA dan ini saya bicarakan dalam bab khusus.

Gaya wacana prosa sebelum abad ke-20 dicirikan oleh keterdugaan,<sup>17</sup> oleh unsur yang secara statistik dominan. Unsur utama ialah *maka*. Tetapi kadangkala ia ditandingi unsur lain, *dan* dan *lalu* misalnya. Atau frekuensinya berkurang kerana pengisahan ditandingi dialog, misalnya pada HMM dan TN. Pada HA frekuensi *maka* ditandingi simili.

Gaya pada wacana itu tidak bebas makna. Kata yang unsur gaya kata penuh, bukan kata kosong. Memberi makna kepada wacana dan perlu dimaknakan. *Maka* terutama menyatakan urutan peristiwa. Tetapi boleh dilanjutkan kepada akibat-sebab yang kadangkala boleh dilanjutkan kepada interpretasi yang lebih jauh. Di samping *maka* wacana prosa sebelum abad ke-20 juga ditandai unsur lain. Malah unsur itu menandingi *maka* kerana hadir apabila wacana bukan pengurutan peristiwa atau akibat-sebab, tetapi pernyataan fakta. Pada MSS 1589 *maka* dikalahkan *dan*, *syahadan*, *adapun* dan *adalah*. Pada TN dan SMB *maka* disaingi *syahadan*, *adapun* dan *adalah*. Pada HA ia disaingi simili dan ucapan yang boleh jadi metafora, dan ini memberinya warna lain dan mendekatkannya kepada wacana abad ke-20 – simili saya bicarakan nanti. Malah TN juga dicirikan oleh kehadiran *alkisah* dan *wallahu' aklam* dan ungkapan dengan beban makna yang sama.

HA terasa sopan kerana Abdullah dikuasai tradisi SM. Dalamnya tidak ada ucapan seperti ini:

Maka terpancarlah mahanikamnya ke tikar peraduan baginda itu. Maka lalu disuruhnya telan kepada gundiknya, anak Laksamana bernama Encik Pong. (TN, 45)

Maka tatkala baginda itu hampir mangkat, maka Encik Pong itupun makan mani baginda itu. Konon, waktu baginda itu datang berahikan isterinya peri, maka terpancarlah mani baginda itu. (TN, 16)

Maka disuruhkan oleh orang besar-besar itu akan Encik Pong itu setubuh

dengan baginda itu. Maka apabila selesai baharulah rebah zakar baginda itu. (TN, 16–17)

Maka pada suatu hari Sultan Lambayang mengadap Sultan Abdul Jalil di balairung seri, maka terkentutlah Sultan Lambayang itu tiada ditahannya sambil katanya: ‘Saya semua orang Palembang tiada jadi malu terkentut itu, kerana penyakit hendak keluar.’ Maka Sultan Abdul Jalil tersenyum. (TN, 55)

Dengan data ini – juga ada pada syair Melayu Riau (Abu Hassan, 1995) – TN memulai vulgarisme, yang pemberontakan kepada tradisi. Dan pemberontakan ini biasa berwajah “kesalahan” bahasa – saya nilai berdasarkan tradisi SM yang membesarkan saya. TN juga menampilkan dunia takmungkin, *the impossible world*. Boleh dipertanyakan kemungkinan “wanita hamil kerana makan mani”. Ini boleh dilengkapi dengan “badik yang diberi hulu *tanduk kucing*” (50) padahal kucing *tak punya tanduk*. HA dan TN saya rasa juga menyumbangkan sesuatu yang memungkinkan kedua-duanya didekatkan kepada wacana abad ke-20. Begitu juga SMB.

TN dan SMB tentang salasilah Bugis dan Melayu, sama melibatkan Raja Ali Haji. Tetapi urutan dan materi cerita kedua-duanya lain. TN hanya menanyakan kesahihan cerita dengan menyatakan adanya berbagai-bagai cerita. SMB melanjutkannya dengan menyatakan adanya khilaf dan fitnah. Dan untuk memahami SMB, lain dari TN, saya jarang-jarang mesti memindahkan ayatnya kepada ayat lain. Dan dengan menganggap TN lebih tua – boleh dipertanyakan, SMB boleh dianggap membetulkan TN, materi cerita dan bahasa. Ini bahan kajian historisisme baharu. Tetapi untuk kajian gaya perlu unsur lain. Antara lain adanya dua versi pengisahan tentang perkahwinan Upu Daing Cellak. Cerita menurut versi sejarah sebelah barat dikisahkan dalam prosa (91–101) dan versi timur dalam puisi (101–108). Kedua-duanya meninggalkan kesan yang berbeza. Kesadaran akan hal ini menyatakan pengarang SMB tidak hanya tertarik kepada *apa* yang diceritakan, tetapi juga tertarik kepada *bagaimana* sesuatu diceritakan–ini memungkinkan SMB dikaitkan dengan kebiasaan pada karya moden. Ini juga mendorong saya katakan “genre” sebagai gaya.

Dengan mengabaikan pengecualian, prosa sebelum abad ke-20 dipenuhi *maka*. Tetapi lain hanya dengan puisi masa itu. Ia tidak ditandai oleh *maka*. Pada puisi masa itu hampir tidak ada ditemui *maka*. Ini memperkuat kesimpulan mengenai tugas *maka* tadi. Puisi tidak memerlukan *maka* kerana pengarang tidak mesti mengeksplisitkan hubungan peristiwa-peristiwa yang diceritakannya. Meskipun puisi, terutama syair, berkisah, namun ia tidak

memerlukan “alkisah” dan variasinya kerana hakikat pengisahannya lain daripada prosa.

## NOTA

<sup>1</sup> Saya turunkan satu contoh: “Caranya kesunyian dia pecah jadi 2.½ di perkawan. ½ lagi adalah justeru yang membuat dia berkawan dengan yang ½ duluan. (36). Dalam *Kering* Iwan cenderung menggunakan angka pada setiap kesempatan yang memungkinkan – ini terlihat juga pada kutipan untuk catatan kaki 2. Fenomena ini cenderung saya fahami berdasarkan pernyataan Rebecca Goldstein berikut: *measurement creates reality, so that it is simply meaningless to ask what’s going on when no measurement is taking place* – huruf miring dari Goldstein – (*Properties of Light, a novel of love, betrayal, and quantum physics*, 2000:38–39). Penggunaan angka memberi kita kesan kepastian masa membacanya dan ini bertentangan dengan suasana novel itu yang kerealitiannya boleh dipertanyakan. Ini akan saya bicarakan lebih lanjut pada pembicaraan gaya pada wacana sastera Indonesia. Tetapi sekadar perbandingan, penggunaan angka pada novel Iwan tadi boleh dibandingkan dengan kutipan dari teks G MSS 1589 ini: “Upamanya *setengah* kayu berurat lalu berbatang lalu berdahan berdaun berbunga berbuah. Dan *setengah* tiada seperti demikian itu. Dengan berbagai-bagai lagi perangnya dan rupanya dan berlain-lainan sekalian rasanya dan baunya. *Setengah* pahit, *setengah* manis sepat masam, *setengah* hambar, *setengah* mahung, *setengah* manis, *setengah* berbuah dalam tanah, *setengah* berbuah pada dahan, *setengah* berbuah pada batang, *setengah* berbuah pada daun dan *setengah* akar umbi linang ke kanan dan *setengah* linang ke kiri. *Setengah* batang tiada berdahan dan daun dan buah pun. Ada *setengah* tiada buah, *setengah* buahnya tiada berguna. *Setengah* buah pahit atas yang pahit. *Setengah* buah manis dalamnya pahit. *Setengah* buah pahit dalamnya manis. Dan *setengah* buah kecil batangnya besar. *Setengah* buah besar batangnya kecil. *Setengah* batang berbi-lik-bilik berisi tidak. *Setengah* berbilik dalamnya isi dan sebagainya. (*Undang-Undang Minangkabau*, 266–7, teks G24-5). Apabila kita jumlahkan setiap *setengah* itu, jumlahnya adalah 11 ½, padahal jumlahnya mestinya hanya satu (1). Ini boleh berlaku kerana teks itu hanya menggunakan kata *setengah*. Keadaannya akan lain apabila teks itu menggunakan angka ½. Jadi fenomena pada MSS, 1589 berlawanan dengan fenomena pada *Kering* Iwan.

<sup>2</sup> Meskipun *Kering* terbit pada 1972 namun ejaannya masih menggunakan ejaan lama. Apabila kini kita eja /di mana/ dan /ke mana/, ini di Indonesia dulu dieja /dimana/ dan /kemana/. Tetapi dalam *Kering* ada kalanya Iwan mengeja /ke mana/ dan /di mana/, di samping /kemana/ dan /dimana/. Pada halaman 57 kita jumpai /kemana/ dan /dimana/. Untuk selanjutnya perhatikan kutipan ini:

Sensasi dari *ke* bumi. Disumur dulu, *ke* itu adalah vertikal. Kini *ke* itu adalah

horizontal. (70)

Soal sebenarnya adalah: *di*. *Di* dan *bersama*. Tak penting dimana dan bersama apa, pokoknya: *di*

dan *bersama*. *Di* dan *bersama* neraka sekalipun. (71)

Bukan tak mungkin pengertian *ke* dan *di* sebagai kata penuh tercermin pada penggunaan *ke* dan *di* pada kutipan yang saya turunkan berikut ini:

Ke 2 pria itu pergi. Ke 2 wanita itu mengantar mereka ke pintu pagar.

Disitu, ke 4 orang itu saling berhadapan lagi. Tak 1 yang bicara. Sejak tadi.

Mereka berpandangan saja. Dalam<sup>2</sup>. Nanap<sup>2</sup>.

4 senyum mekar lagi di 4 wajah pagi, 8 tangan bersalaman lagi. Erat<sup>2</sup>, mesra<sup>2</sup>.

(124)

Contoh itu memperlihatkan bagaimana Iwan “mempermainkan” /*ke*/ dan /*di*/ dan angka-angka.

<sup>3</sup> Saya percaya SM karya asli kita yang dikarang pengarang kita. Kerana itu saya katakana ‘pengarang SM’. Lain halnya dengan HAH. Saya rasa ini terjemahan. Yang ada ialah ‘penterjemah’, bukan pengarang.

<sup>4</sup> Sebenarnya ada terjemahan ayat-ayat lain pada “Kisah Nabi Ibrahim” yang mempunyai ciri yang sama dengan terjemahan ayat 76 dan 77 tetapi tidak saya turunkan. Saya rasa cukup hanya dengan terjemahan dua ayat itu.

<sup>5</sup> Di sini saya gunakan terjemahan Jassin kerana waktu mengerjakan karangan ini terjemahan ini yang ada depan saya. Ini tetap saya gunakan kerana dalam hal terjemahan kedua ayat ini terjemahan Jassin tidak berbeza dari terjemahan lain dalam bahasa Melayu/Indonesia yang ada pada saya. Misalnya terjemahan oleh Oemar Bakry dan oleh Mahmoed Joenoes.

<sup>6</sup> Tidak ada yang pasti apa yang dibicarakan oleh Bohr dan Heisenberg ketika itu. Heisenberg datang dari Jerman menemui Bohr, kawan dan gurunya. Diduga orang Heisenberg menemui Bohr untuk minta pertolongan Bohr bagaimana membuat bom atom. Tetapi orang tidak tahu apa yang terjadi sebenarnya. Yang pasti Hitler tidak berhasil membuat bom atom. Orang tidak tahu apakah ini kerana Heisenberg tidak berupaya menyiapkannya. Atau kerana ia tidak mendapatkan bantuan ilmiah apa-apa dari Bohr. Atau ada faktor lain yang menyebabkan Hitler tidak berhasil menyiapkan bom atom. Heisenberg tidak melakukannya sungguh-sungguh kerana alasan kemanusiaan. Ucapan “But why?” Ada kaitan dengan peristiwa ini.

<sup>7</sup> Hakikat ingatan yang mengizinkan pelompatan memungkinkan Frayn tidak menghormati urutan waktu. Ia boleh sahaja melompat ke masa yang diinginkannya. Meskipun kita terasa diikat kepada peristiwa pertemuan Bohr dan Heisenberg Sept. 1941, tiba-tiba muncul ucapan Heisenberg: “... On the evening of Hiroshima Oppenheimer said it was his one regret that they hadn’t produced the bomb in time to use on Germany.” (43) yang membawa kita ke tahun 1945. Drama ini, bagi saya, terasa bergerak dengan prinsip ketakpastian, *uncertainty principle*, teori temuan Heisenberg, yang dirumuskan oleh Bohr sebagai berikut: “If you knew where you were when you were down you didn’t know how fast you’d got there. If you knew

how fast you'd been going you didn't know you were down." (24). Dan ini juga menguasai mekanisme drama ini. Penumpuan perhatian kita pada unsur tertentu menyebabkan kita melupakan unsur lain. Kerana ini juga berlaku dalam pembacaan setiap karya sastra, ia juga berlaku dalam pembacaan SM. Perhatian orang kepada unsur tertentu menyebabkan orang lupa akan unsur lain. Kajian saya tentang SM berusaha menampilkan unsur yang selama ini dilupakan kajian orang lain.

<sup>8</sup> Berbeza daripada ucapan biasa *sebab-akibat*, di sini sengaja saya tekankan hakikat lain, iaitu *akibat-sebab*. Akibat menyebabkan kita mencari sebab. Setelah terjatuh, *akibat*, baru kita cari *sebab* yang menyebabkan kita jatuh. Kerana itu dikatakan Gunnar Olsson (*Lines of Power/Limits of language* (1991) '... because in reality beginning never reach their end even though ends always grow out of beginnings" (20) dan "We learn by moving backward; we live by moving forward." (37). Ini boleh dikaitkan dengan pernyataan A.C. Danto (*Analytical philosophy of history*, 1965:16) ini: "our knowledge of the past is significantly limited by our ignorance of the future" yang dikutip oleh Hans Robert Jauss (*Literaturgeschichte als Provokation*, 1979:228) yang disertai kutipan "they give description of events under which those events could not have been witnessed" yang ada kaitan dengan "organize present experience." Kita akan lebih mengerti mengapa terjadi suatu peristiwa tertentu di masa lampau apabila ia kita lihat dari pengalaman masa kini. Pengalaman kini menolong kita memahami pengalaman lampau kita atau nenek moyang kita. Hakikat *akibat-sebab* ini pertama kali saya bicara dalam "Sejarah Melayu: akhir, awal dan entah" (1991) sebelum saya membaca Olsson. Dan lebih fatal lagi sebelum saya membaca "Historiography and postmodernism" F.R. Ankersmit (1989) hingga saya anggap ini penemuan saya. Saya duga saya temukan prinsip *akibat-sebab*, padahal, menurut Ankersmit ini pernah diucapkan Nietzsche pada abad ke-19. Kerana itu selanjutnya saya selalu memberikan penghargaan kepada Nietzsche apabila menyebut *akibat-sebab*. Misalnya dalam *Teori moden sastra dan permasalahan sastra Melayu* (1996) dan *Undang-undang Minangkabau* (1997). Ini hakikat "sastra sejarah". Pengarangnya melalui penyusunan pengalaman kini mencari *sebab* mengapa terjadi kehancuran yang *akibat*. Ia memberikan rangkaian sebab yang menyebabkan akibat itu. Ini bertentangan dengan anggapan kita yang biasa yang bertolak daripada sebab-akibat, sama dengan kebiasaan kita berbahasa.

<sup>9</sup> Sebagai raja Melaka dalam kehidupan sebenarnya, yang hanya keturunan Teri Buana mungkin tidak tahu adanya perjanjian ini. Atau mungkin lupa kerana itu terjadi lama dulu. Tidak demikian halnya dengan raja-raja dalam SM. Sama dengan khalayak SM, yang tahu adanya perjanjian itu, seorang raja Melaka mestinya juga tahu adanya perjanjian itu. Atau perjanjian itu dihadirkan dalam SM untuk memungkinkan khalayak menilai tindak tanduk keturunan Teri Buana dan kemudian memahami kejatuhan Singapura dan Melaka sesuai dengan pengetahuan itu. Jadi pengetahuan adanya perjanjian itu disediakan terutama untuk khalayak tanpa perlu diketahui oleh "pelaku sejarah" yang diceritakan dalam SM. Pengetahuan itu yang

memungkinkan khalayak menilai tindakan raja-raja yang “pelaku sejarah” dalam SM. Ini sekali lagi membawa kita kepada fenomena yang saya bicarakan dalam “The differences of information supplied to the audience and those to the characters of a story: cases of *Hikayat Hang Tuah, Belenggu and Ronggeng Dukuh Paruk*” (1991). Maklumat tentang perjanjian Teri Buana dan Demang Lebar Daun hanya milik khalayak. “Pelaku sejarah” SM tidak memilikinya. Begitu juga dengan maklumat tentang Teri Buana yang sampai ke Temasik tanpa mahkota Iskandar padahal sebelumnya dikatakan mahkota itu adalah alamatnya sebagai keturunan Iskandar. Sesuai pentingnya mahkota bagi seorang raja, dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dinyatakan sidang mengadap Raja Rum dihadiri oleh *raja-raja yang besar-besar yang bermakuta* (Siti Hawa Saleh, 1970:4). Kerana itu, seperti yang telah dikatakan tadi, ini memungkinkan orang menanyakan kesahihannya sebagai keturunan Iskandar. Diragukan orang ia keturunan Iskandar kerana tidak mampu mengembang kuasa yang ada pada mahkota Iskandar sehingga mahkota itu mesti dibuang ke dalam laut untuk menenangkan laut yang bergelora.

<sup>10</sup> SM memberikan maklumat yang agak lain tentang lain. Saudara Malikul Mansur bukan Malikul Mahmud tapi Malikul Zahir (Cheah dan Rahman 109–116). Pada HRRP, Malikul Tahir ayah kepada Malikul Mansur dan Mahmud. Tetapi kerana Malikul Tahir cepat meninggal, kedua-dua anaknya dibesarkan oleh Malikus Saleh (63–65). Adanya kelainan data sejarah ini – juga maklumat lain dalam SM tentang dengan siapa Hang Tuah bertarung – memungkinkan saya menyimpulkan bahawa pada wacana itu tidak penting siapa pelaku sejarah yang sebenarnya. Pelaku sejarah kalah penting berbanding prinsip akibat-sebab. Pelaku sejarahnya mungkin setiap sahaja, yang penting ialah mekanisme sejarahnya. Apa yang menyebabkan terjadinya suatu peristiwa sejarah tertentu.

<sup>11</sup> Ini boleh difahami kerana HHT lebih menonjolkan kepahlawanan Hang Tuah daripada pemujaan raja atau asal usul raja. Raja hanya penting sebagai lembaga yang memungkinkan Tuah menjadi pahlawan. Raja ialah lembaga kepada siapa Tuah mengabdikan kepahlawanannya. Kepahlawanannya tidak akan sempurna tanpa raja kepada siapa ia abdikan kepahlawanannya. Tuah patuh menjalankan perintah raja tanpa rasa perlawanan, meskipun perintah bunuh. Ini yang membezakan Tuah dari Kesturi atau Jebat. Kepahlawanan Jebat dan Kesturi terjejas kerana telah melawan raja yang memberinya konteks kepahlawanan. Mereka telah menghilangkan konteks yang memungkinkan mereka menjadi pahlawan.

<sup>12</sup> Sang Sapurba pada HHT hanya dikatakan anak raja keinderaan, tetapi tanpa lukisan kemegahan nenek moyang sebagai yang ditemui dalam SM. Dalam SM ada lukisan kemegahan nenek moyang Sang Sapurba yang cukup luas sehingga kita yakin akan keluarganya.

<sup>13</sup> Di sini “dialog” saya gunakan dalam erti yang biasa ditemui dalam kamus dan tidak perlu dikaitkan dengan pengertian *dialog* menurut pemikiran Mikhail Bakhtin. Saya menggunakannya untuk memudahkan pembicaraan kerana saya tidak punya kata lain untuk merujuknya. Jadi tidak perlu ada dua fikiran yang bertentangan

sesuai dengan Bakhtin.

<sup>14</sup> Teks A berbicara tentang adat/undang-undang Minangkabau, sedang F dirujuk juga sebagai Taj as-Salatin. Teks ini menggunakan bahasa Minangkabau/Melayu atau Melayu/Minangkabau. Kerana itu ada kata yang ditulis sebagai kata Minang.

<sup>15</sup> Ini yang membezakan wacana Abdullah dari wacana Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji dalam TN. Dengan menggunakan bahasa SM sebagai pola (tatabahasa), banyak pemakaian bahasa pada TN yang boleh dianggap “salah”. Ini anggapan saya kerana saya membesar dengan tradisi bahasa yang bertolak dari bahasa SM. Pada saya, terasa ada gangguan apabila membaca konstruksi ini:

1. Maka menyuruhlah Sultan Mahmud ini akan seorang hambanya... (7)
2. Syahadan apabila mangkat SAJS itu, maka menggantikan kerajaannya puteranya... (10)
3. Adapun Raja Yusuf beberapa pula mengadakan anak seperti Raja Hasan ... (34)
4. ... maka menggantikan kerajaan anak yang tuanya ... (62)

Ayat 1 akan saya baca sebagai “Maka disuruhlah oleh Sultan Mahmud ...”. Ayat 2 akan saya baca dengan menambahkan *yang* antara ‘maka’ dan ‘menggantikan’ sehingga konstruksi bahagian akhir ayat itu ialah: “maka yang menggantikan kerajaannya puteranya...” Ayat 3 akan saya baca dengan mengubahnya menjadi: “Adapun Raja Yusuf beranak beberapa orang, Raja Hasan...” Dan anak yang tuanya akan saya baca sebagai “anak tuanya” atau “anaknyanya yang tua”.

Dengan bertolak dari fenomena bahasa TN, saya sampai menyimpulkan bahawa tidak setiap wacana yang terkait dengan Riau-Johor boleh digunakan sebagai pola Bahasa Melayu yang kemudiannya menjadi Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu di Malaysia. Ada yang lain pada bahasa TN berbanding SM dan HA.

Ada lagi hal lain yang perlu saya catat tentang bahasa TN. Pada 73 ada meharap-harap dan pada 272 ada mehapuskan. Pada 76 ada mekhabarkan dan pada 278 ada mekhatankan. Mulanya ini saya anggap salah. Saya duga ada pengaruh bahasa Minang. Ini mungkin benar dalam hal mehapuskan dan meharap-harap. Tapi tidak dalam hal mekhabarkan dan mekhatankan. Buat kita kini ia akan kita tulis menghabarkan atau mengabarkan dan mengkhatakan. Ini kita lakukan kini kerana kita telah biasa dengan kata itu. Ia tidak lagi kita rasakan dan anggap sebagai kata Arab. Lain halnya pada abad ke-19 pada masa naskhah ini ditulis. Kata-kata itu masih terasa sebagai kata Arab dan diperlakukan lain dari kata-kata Melayu biasa. Ini hanya catatan saya kini. Ia masih memerlukan kajian lebih lanjut.

<sup>16</sup> Meskipun TN dan SMB bercerita tentang hal yang sama – tentang salasilah Melayu dan Bugis – namun ada yang mendorong kita untuk melihatnya sebagai dua wacana yang berbeza. Ini menunggu kajian lebih lanjut. Sampai di mana keduanya berbeza.

<sup>17</sup> Anggapan ini tidak bebas pemahaman yang subjektif. Mungkin sekali saya sampai kepada kesimpulan itu kerana anggapan itu telah ada dalam diri saya. Data hanya memperkuat anggapan yang telah bermukim dalam diri saya. Halnya lain



apabila saya hidup dalam masa yang sama dengan masa wacana. Atau apabila saya membebaskan diri dari anggapan tentangnya yang sebelumnya telah bermukim dalam diri saya, sesuatu yang tidak mungkin. Yang perlu ialah kesedaran kita adanya kemungkinan ini dan menyebabkan kita mesti menerimanya secara terbuka dan selalu bersedia untuk menanyakannya

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad, 1979. *Sulalatus Salatin* ( Sejarah Melayu), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad, 1987. *Hikayat Amir Hamzah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham, 1995. *Syair-syair Melayu Riau*, Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Cheah Boon Kheng dan Abdul Rahman Haji Ismail (ed.), 1998. *Sejarah Melayu/ The Malay Annals*, Kuala Lumpur, Malaysian Branch of Royal Asiatic Society.
- Chomsky dan Miller, 1963. "Introduction to the Formal Analysis of Natural Languages". Dlm. Luce, Bush dan Galanter (ed.), *Handbook of Mathematical Psychology*. Hlm. 269–321, New York, John Wiley.
- Danto, Arthur, C, 1965. *Analytical Philosophy of History*.
- Datuk Besar, R.A. dan Roolvink, 1953. *Hikayat Abdullah*, Jakarta, Djambatan.
- Emeis, M.G., 1945. *Vorm en funktie in klassiek en modern Maleisch, de verbale constructie*, Utrecht.
- Frayn, Michael, 2000. *Copenhagen*, New York, Anchor Books.
- Goldsrein, Rebecca, 2000. *Properties of Light, a Novel of Love, Betrayal and Quantum Physics*, New York, Houghton Mifflin.
- Hill, A.H., 1960. *Hikayat Raja-raja Pasai*, JMBRAS, 33, Bahagian 2.
- Jassin, H.B., 1982. *Al-Quran, Bacaan Mulia*, Jakarta, Yayasan 23 Januari 1942.
- Jauss, Hans Robert, 1979. *Literaturgeschichte als Provokation*, Frankfurt –am-Main, Suhkamp.
- Kassim Ahmad, 1991. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matheson, Virginia (ed.) 1982. *Tuhfat al-Nafis oleh Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji*, Petaling Jaya, Fajar Bakti.
- Mohd. Yusof Md.Noor, 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya, Fajar Bakti.
- Nafroon Hasjim, 1993. *Kisassu l-anbiya, Karya Sastra yang Bertolak dari Quran serta Teks Kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Musa*, Jakarta, ILDEP.
- Olsson, Gunnar, 1991. *Lines of Power/Limits of Language*, Minneapolis, Univ. of Minneapolis Press.

- Pane, Armijn, 1940. *Bellengu*, Jakarta, Pustaka Rakyat.
- Simatupang, Iwan, 1972. *Kering*, Jakarta, Gunung Agung.
- Siti Hawa Saleh, 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, Univ.of Malaya Press.
- Situmorang dan Teeuw, 1952. *Sedjarah Melaju*, Jakarta, Djambatan.
- Umar Junus, 1967a. *Kaidah dan Latihan Pemakaian Kalimat Bahasa Indonesia*, Jakarta, Bhrata.
- Umar Junus, 1967b. "Syntactical Structure Analysis of Written Indonesian", dlm. *Linguistics*, 32 (Jun) 15–38.
- Umar Junus, 1984. *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*, Petaling Jaya, Fajar Bakti.
- Umar Junus, 1989. *Stalistik, Suatu Pengantar*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus, 1991. "The differences of information supplied to the audience and those to the characters of a story: cases of *Hikayat Hang Tuah*, *Belenggu*, and *Ronggeng Dukuh Paruk*", Biancamaria Scarcia Amoretti dan Lucia Rostagnoo (ed.), *Yad-Nama, in memoria di Alesandro Bausani*, II, 383–397, Roma, Bardi.
- Umur Yunus, 1996. *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umur Yunus, 1997. *Undang-undang Minangkabau, Wacana Intelektual dan Wacana Ideologi*, Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Walker, Alice, 1982. *The Color Purple*, New York, Pocket Books.